

## PruBSN Lindung Famili – Soalan-soalan Lazim

## Ciri-ciri Pelan

## 1. Apakah PruBSN Lindung Famili?

PruBSN Lindung Famili adalah suatu pelan takaful berkelompok bertempoh sehingga Ahli yang Dilindungi mencapai umur 75 tahun (hari lahir akan datang). Pelan ini ditawarkan khas kepada ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang berumur antara 19 hingga 65 tahun (hari lahir akan datang). Pelan ini disertakan dengan pilihan untuk melanjutkan perlindungan kepada tanggungan Ahli KWSP iaitu pasangan dan/atau anak(-anak) dimana Ahli KWSP ialah Pemegang Sijil bagi sijil tanggungan mereka. PruBSN Lindung Famili ialah produk patuh Shariah.

## 2. Apakah manfaat yang ditawarkan oleh PruBSN Lindung Famili?

Manfaat-manfaat	Jumlah Dilindungi						
Manfaat Kematian	Sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia, 100% daripada jumlah dilindungi akan dibayar daripada Dana <i>Tabarru'</i> .						
Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)	Sekiranya Ahli yang Dilindungi mengalami TPD sebelum tarikh Ulang Tahun Sijil bagi umur Ahli yang Dilindungi mencapai 70 tahun hari lahir akan datang, 100% daripada jumlah dilindungi akan dibayar daripada Dana <i>Tabarru'</i> .  <b>Nota:</b> Bayaran manfaat ini akan mengurangkan Manfaat Kematian.	RM10,000 hingga RM200,000 (dalam gandaan RM5,000)					
Manfaat Kematian akibat Kemalangan (ADB)	<p>Sekiranya berlaku kematian Ahli yang Dilindungi akibat kemalangan sebelum tarikh Ulang Tahun Sijil dimana umur Ahli yang Dilindungi mencapai 70 tahun hari lahir akan datang semasa tempoh perlindungan, manfaat ini akan dibayar di atas Manfaat Kematian seperti berikut:</p> <table border="1"> <tr> <td>Kematian akibat kemalangan</td> <td>100% daripada Jumlah Dilindungi Manfaat Kematian</td> </tr> <tr> <td>Kematian Ahli yang Dilindungi akibat Kemalangan semasa: (a) dalam perjalanan dalam mana-mana Pengangkutan Awam yang digerakkan secara mekanikal; (b) Di dalam ruang lif (tetapi bukan di lombong dan/atau di tapak pembinaan); atau (c) Di dalam hotel atau bangunan awam lain apabila kebakaran bermula di hotel atau bangunan awam yang lain.</td> <td>200% daripada Jumlah Dilindungi Manfaat Kematian</td> </tr> <tr> <td>Kematian akibat kemalangan berlaku semasa Ahli yang Dilindungi menetap atau melancong ke luar negara (tidak lebih dari 90 hari berturut-turut tempoh menetap di semua negara kecuali Singapura dan Brunei).</td> <td>300% daripada Jumlah Dilindungi Manfaat Kematian</td> </tr> </table>	Kematian akibat kemalangan	100% daripada Jumlah Dilindungi Manfaat Kematian	Kematian Ahli yang Dilindungi akibat Kemalangan semasa: (a) dalam perjalanan dalam mana-mana Pengangkutan Awam yang digerakkan secara mekanikal; (b) Di dalam ruang lif (tetapi bukan di lombong dan/atau di tapak pembinaan); atau (c) Di dalam hotel atau bangunan awam lain apabila kebakaran bermula di hotel atau bangunan awam yang lain.	200% daripada Jumlah Dilindungi Manfaat Kematian	Kematian akibat kemalangan berlaku semasa Ahli yang Dilindungi menetap atau melancong ke luar negara (tidak lebih dari 90 hari berturut-turut tempoh menetap di semua negara kecuali Singapura dan Brunei).	300% daripada Jumlah Dilindungi Manfaat Kematian
Kematian akibat kemalangan	100% daripada Jumlah Dilindungi Manfaat Kematian						
Kematian Ahli yang Dilindungi akibat Kemalangan semasa: (a) dalam perjalanan dalam mana-mana Pengangkutan Awam yang digerakkan secara mekanikal; (b) Di dalam ruang lif (tetapi bukan di lombong dan/atau di tapak pembinaan); atau (c) Di dalam hotel atau bangunan awam lain apabila kebakaran bermula di hotel atau bangunan awam yang lain.	200% daripada Jumlah Dilindungi Manfaat Kematian						
Kematian akibat kemalangan berlaku semasa Ahli yang Dilindungi menetap atau melancong ke luar negara (tidak lebih dari 90 hari berturut-turut tempoh menetap di semua negara kecuali Singapura dan Brunei).	300% daripada Jumlah Dilindungi Manfaat Kematian						

## 3. Siapakah yang layak menyertai PruBSN Lindung Famili?

Bergantung kepada terma dan syarat daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Ahli KWSP yang berumur antara 19 hingga 65 tahun (hari lahir akan datang) layak untuk menyertai pelan ini.

Di samping melindungi diri mereka, Ahli KWSP boleh melanjutkan perlindungan mereka kepada tanggungan mereka termasuk:

- a) Pasangan mereka yang berumur antara 19 hingga 65 tahun (hari lahir akan datang), dan/atau
- b) Anak(-anak) mereka yang berumur 14 hari hingga 65 tahun (hari lahir akan datang) termasuk anak kandung, anak angkat dan anak tiri.

**4. Bolehkah Ahli KWSP memohon perlindungan tanggungan mereka tanpa memohon perlindungan untuk mereka sendiri?**

Tidak, Ahli KWSP mesti menyertakan diri mereka ke dalam permohonan tersebut untuk meneruskan transaksi permohonan takaful tersebut.

Contoh senario semasa permohonan:

	Permohonan Pertama	Permohonan ke-2	Permohonan ke-3	Permohonan ke-4
Ahli KWSP (Pemegang Sijil)	✓	✓	✓	✓
Pasangan	-	✓	✓	-
Anak(-anak)	-	-	✓	✓

Bagi setiap permohonan, ia hendaklah termasuk Ahli KWSP dan jika tanggungan disertakan, ia akan terhad kepada 1 pasangan dan 10 anak di bawah permohonan yang sama. Untuk penyertaan pasangan dan anak yang lain, Ahli KWSP boleh mempertimbangkan untuk mengemukakan satu lagi permohonan PruBSN Lindung Famili.

**5. Bagaimakah untuk menyertai PruBSN Lindung Famili?**

Log masuk ke Portal KWSP i-Akaun > masuk ke tab 'i-Lindung' > pilih perlindungan (diri sendiri, pasangan anda atau keluarga anda) > pilih PruBSN Lindung Famili > lengkapkan maklumat di portal PruBSN > lengkapkan kebenaran untuk pengeluaran daripada Akaun KWSP melalui Gerbang Pemindahan ("Transfer Gateway") KWSP i-Akaun.

Selepas berjaya menolak sumbangan daripada Akaun Ahli KWSP, permohonan akan dinilai oleh PruBSN.

**6. Adakah terdapat had bilangan pasangan dan anak yang boleh disertakan di dalam sijil Ahli KWSP?**

Satu permohonan adalah terhad kepada 1 pasangan dan 10 anak. Untuk memasukkan pasangan dan anak tambahan, Ahli KWSP boleh mempertimbangkan untuk mengemukakan satu lagi permohonan PruBSN Lindung Famili.

**7. Bagaimakah PruBSN Lindung Famili berfungsi?**

PruBSN Lindung Famili adalah berdasarkan konsep takaful yang mana Ahli KWSP memberikan bantuan sesama kepada satu sama lain apabila berlakunya sesuatu kejadian yang tidak diingini. Sebahagian daripada sumbangan Ahli KWSP akan ditolak sebagai caj *Wakalah* pendahuluan, iaitu caj yang dikenakan di bawah sijil Ahli yang Dilindungi untuk perkhidmatan yang diberikan, dan bakinya akan dimasukkan ke dalam Dana *Tabarru'* sebagai Potongan *Tabarru'*. Wang yang dikumpulkan di dalam dana tersebut akan digunakan untuk membayar tuntutan. Ahli KWSP mungkin layak untuk mendapat sebarang lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana *Tabarru'*, jika ada. Sila rujuk Soalan 8 untuk butiran lanjut.

**8. Adakah Ahli KWSP akan menikmati lebihan?**

Ahli KWSP mungkin layak untuk mendapat sebarang lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana *Tabarru'*, jika ada. Ahli KWSP layak untuk menerima 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi kerana mengurus Dana *Tabarru'*. Amaun sebenar lebihan yang boleh diagihkan akan ditentukan setiap tahun dan tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.

Sekiranya terdapat defisit daripada Dana *Tabarru'*, PruBSN tidak akan membayar sebarang lebihan pada tahun kewangan tersebut. PruBSN akan menguruskan kerugian tersebut dengan menggunakan *Qard* (pinjaman tanpa faedah) dan membawa ke hadapan *Qard* tersebut ke tahun kewangan berikutnya. PruBSN mungkin akan menggunakan sebarang lebihan pada masa hadapan untuk membayar balik *Qard* tersebut. Sebarang baki selepas pembayaran balik pinjaman akan dianggap sebagai lebihan yang boleh diagihkan.

**9. Bagaimakah boleh saya mengetahui lebih lanjut mengenai ciri-ciri, manfaat-manfaat dan pengecualian-pengecualian PruBSN Lindung Famili?**

Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk, Sijil Induk dan Ringkasan Sijil yang disediakan di laman web korporat PruBSN [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my) untuk maklumat lanjut.

**10. Bolehkah Ahli KWSP menukar jumlah dilindungi bagi sijil PruBSN Lindung Famili?**

Apabila permohonan PruBSN Lindung Famili diluluskan, Ahli KWSP tidak dibenarkan untuk membuat pindaan ke atas jumlah dilindungi semasa tempoh perlindungan.

Sekiranya ahli KWSP memerlukan perlindungan tambahan, ahli KWSP boleh mempertimbangkan untuk menyertai sijil PruBSN Lindung Famili yang lain, atau boleh menghubungi khidmat pelanggan PruBSN di 03 2775 7188 atau email kepada [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my) untuk mengetahui tentang produk-produk lain yang ditawarkan oleh PruBSN.

**11. Adakah tempoh menunggu terpakai untuk PruBSN Lindung Famili?**

Tiada tempoh menunggu untuk manfaat di bawah PruBSN Lindung Famili.

**12. Bolehkah Ahli KWSP menyertai PruBSN Lindung Famili melalui agen PruBSN?**

Tidak, ini adalah pelan pendaftaran sendiri yang ditawarkan melalui Portal i-Akaun KWSP sahaja.

**Sumbangan dan Caj****13. Siapakah yang bertanggungjawab untuk pembayaran sumbangan?**

Ahli KWSP bertanggungjawab untuk membayar sumbangan tahunan untuk sijilnya dan sijil Ahli yang Dilindungi. Pembayaran sumbangan pertama akan dibuat melalui pengeluaran daripada Akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Jika Ahli KWSP meninggal dunia, Pemegang Sijil yang baru bertanggungjawab untuk membayar sumbangan tahunan sijilnya. Sila rujuk Soalan 39 untuk butiran lanjut mengenai pemindahan hak milik.

**14. Adakah sumbangan akan sama setiap tahun?**

Tidak. Sumbangan untuk PruBSN Lindung Famili adalah tidak sama dan akan berubah mengikut umur hari lahir akan datang Ahli yang Dilindungi pada setiap ulang tahun sijil. Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk untuk contoh jadual sumbangan tahunan.

**15. Berapakah jumlah sumbangan yang Ahli KWSP perlu bayar?**

Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk bagi contoh jadual sumbangan tahunan pelan ini. Sumbangan yang dibayar adalah tertakluk kepada umur Ahli yang Dilindungi pada hari lahir akan datang pada setiap ulang tahun sijil, jantina dan jumlah dilindungi yang dipilih.

**16. Apakah caj-caj yang ada di bawah PruBSN Lindung Famili?**

Caj Wakalah Pendahuluan sebanyak 15% akan ditolak daripada sumbangan dan baki sebanyak 85% daripada sumbangan akan diperuntukkan ke dalam Dana Tabarru' sebagai Potongan Tabarru'.

**17. Adakah Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dikenakan untuk PruBSN Lindung Famili?**

SST tidak akan dikenakan untuk PruBSN Lindung Famili. Walaubagaimana pun, cukai(-cukai) lain boleh dikenakan oleh pihak berkuasa pada bila-bila masa ke atas mana-mana bahagian sumbangan, atau ke atas sebarang pembayaran yang dikenakan atau pembayaran dari Ahli KWSP untuk pelan ini. Sekiranya demikian, Ahli KWSP harus membayar cukai pada kadar semasa yang dikenakan.

**18. Adakah sumbangan yang dibayar untuk PruBSN Lindung Famili layak untuk Pelepasan Cukai Pendapatan?**

Ya, 100% sumbangan yang dibayar mungkin boleh melayakkan Ahli KWSP untuk perlepasan cukai pendapatan persendirian di bawah kategori Insurans Nyawa/ Takaful Keluarga, tertakluk kepada terma dan syarat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

**Pengunderaitan****19. Adakah Ahli yang Dilindungi perlu menjalani sebarang pemeriksaan perubatan, kesihatan atau kewangan untuk menyertai PruBSN Lindung Famili?**

Ahli yang Dilindungi tidak perlu menjalani sebarang pemeriksaan perubatan atau kesihatan untuk menyertai PruBSN Lindung Famili. Namun begitu, Ahli KWSP bagi pihak Ahli yang Dilindungi perlu mengisi satu (1) pengisyiharan kesihatan semasa permohonan dan penilaian Pencegahan Pengubahan Wang Haram akan dijalankan oleh PruBSN.

**20. Apakah yang akan berlaku sekiranya Ahli KWSP salah/tersilap mengisyiharkan maklumat?**

Apabila menjawab soalan yang ditanya oleh pihak PrubSN, Ahli KWSP mestilah mengisyiharkan segala fakta yang dia ketahui sebaik pengetahuan dan atas niat baik dan tiada maklumat yang penting yang disembunyikan dan ini akan menjadi asas kepada kontrak perlindungan takaful. PruBSN akan mengesahkan maklumat dan deklarasi yang diberikan oleh Ahli KWSP dan boleh membatalkan sijil sekiranya terdapat maklumat yang diberikan tidak tepat. Sila rujuk Sijil Induk dan Ringkasan Sijil untuk maklumat lanjut tentang salah nyata/penipuan.

**21. Bolehkah Ahli KWSP menyertai lebih daripada satu sijil sekiranya sudah mempunyai sijil PruBSN Lindung Famili?**

Ya, setiap ahli KWSP boleh menyertai beberapa sijil PruBSN Lindung Famili sehingga amaun perlindungan yang digabungkan ialah RM 200,000.

**Perkhidmatan Sijil****22. Bagaimakah Ahli KWSP boleh meminta perkhidmatan berkaitan sijil selepas menyertai PruBSN Lindung Famili?**

Ahli KWSP boleh melawat mana-mana cawangan Prudential atau PruBSN atau e-mel kepada [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my).

**23. Bagaimakah Ahli KWSP boleh menerima e-Sijil selepas menyertai PruBSN Lindung Famili?**

Apabila permohonan berjaya, Ahli KWSP akan menerima e-Sijil melalui e-mel yang diberi semasa permohonan. Ahli KWSP juga boleh menyemak e-Sijil melalui aplikasi mudah alih PruBSN Touch.

**24. Bagaimakah Ahli KWSP hendak meminda maklumat berkaitan perhubungan dan pembayaran?**

Ahli KWSP boleh meminda dan mengemas kini maklumat perhubungannya dalam PruBSN Touch. Untuk sebarang perubahan yang perlu dibuat pada maklumat akaun pembayaran, Ahli KWSP boleh memuat turun Borang Pindaan Kecil dari [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my) dan menyerahkan borang tersebut dengan melawat mana-mana cawangan Prudential atau PruBSN atau e-mel ke [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my).

**25. Bolehkah Ahli KWSP membatalkan sijil selepas penyertaan?**

Ya, Ahli KWSP boleh memilih untuk membatalkan sijil dengan melawat mana-mana cawangan Prudential atau PruBSN atau email kepada [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my).

Sekiranya Ahli KWSP memilih untuk membatalkan sijil dalam tempoh lima belas (15) hari daripada tarikh Sijil ini dihantarkan kepada Ahli KWSP, PruBSN akan mengembalikan sumbangan yang telah dibayar kepada Ahli KWSP untuk membatalkan perlindungan Ahli yang Dilindungi.

Sekiranya Ahli KWSP memilih untuk membatalkan sijil pada bila-bila masa selepas 15 hari dari tarikh penghantaran sijil Ahli yang Dilindungi kepada Ahli KWSP, PrubSN akan mengembalikan potongan *Tabarru`* yang belum digunakan, jika ada, yang dinyatakan sebagai peratusan sumbangan yang dibayar seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Bilangan bulan dari Tarikh Berkuat kuasa atau ulang tahun Sijil (yang mana kemudian) Ahli yang Dilindungi	Potongan <i>Tabarru`</i> yang belum digunakan (% sumbangan tahunan yang dibayar)
1	77.9%
2	70.8%
3	63.8%
4	56.7%

Bilangan bulan dari Tarikh Berkuat kuasa atau ulang tahun Sijil (yang mana kemudian) Ahli yang Dilindungi	Potongan Tabarru` yang belum digunakan (% sumbangan tahunan yang dibayar)
5	49.6%
6	42.5%
7	35.4%
8	28.3%
9	21.3%
10	14.2%
11	7.1%
12	0.0%

Ahli KWSP akan menerima pemulangan tersebut melalui Akaun KWSP sekiranya pembayaran dibuat sebelum mencapai umur 55 tahun, jika sebaliknya, wang tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun bank Ahli KWSP yang diberikan kepada PrubSN. Pemulangan ini juga akan dikreditkan ke dalam akaun bank Ahli KWSP jika Akaun KWSP tidak aktif semasa pembayaran dibuat.

Sila ambil perhatian bahawa Ahli KWSP tidak boleh menguatkusakan semula sijil selepas membatalkannya. Ini bermakna mereka tidak akan lagi dilindungi di bawah pelan ini. Sekiranya Ahli KWSP berhasrat untuk menyertai semula, permohonan baru hendaklah dihantar ke PruBSN. Sila pertimbangkan dengan teliti adakah pembatalan perlindungan adalah keputusan yang terbaik untuk anda.

## Penamaan

### 26. Mengapakah penting untuk membuat penamaan?

Penamaan adalah penting untuk memastikan orang kesayangan Ahli KWSP akan menerima manfaat seperti yang Ahli KWSP inginkan dan manfaat-manfaat di bawah sijil boleh dibuat oleh PruBSN tanpa sebarang kelewatan. Penama tersebut boleh menjadi pelaksana (*wasi*) atau penerima manfaat dibawah *Hibah* (Hadiah) bersyarat. Tanpa penamaan, manfaat-manfaat di bawah sijil akan dibayar kepada pelaksana atau pentadbir Ahli KWSP yang sah untuk mengagihkan wang tersebut mengikut undang-undang pengagihan yang berkaitan. Proses ini mungkin akan memakan masa.

Adalah penting untuk Ahli-Ahli KWSP memaklumkan kepada penama masing-masing mengenai manfaat sijil dan penamaan.

### 27. Bolehkah tanggungan Ahli KWSP membuat penamaan?

Tidak. Hanya Pemegang Sijil iaitu Ahli KWSP dibenarkan untuk membuat penamaan terhadap sijil beliau. Tanggungan adalah Ahli yang Dilindungi dibawah sijil, maka penamaan tidak dibenarkan untuk mereka. Penamaan untuk tanggungan hanya akan dibenarkan apabila pemilikan sijil telah dipindahkan kepada tanggungan yang berkaitan iaitu pasangan atau anak(-anak) selepas kematian Pemegang Sijil.

### 28. Siapakah yang boleh Ahli KWSP namakan sebagai penama untuk sijil?

Ahli KWSP hendaklah memutuskan siapa yang akan menjadi penama untuk menerima manfaat-manfaat selepas kematian beliau. Penama mestilah seorang individu. Penamaan di atas sesuatu organisasi adalah tidak dibenarkan.

Sekiranya penama adalah di bawah umur 19 tahun semasa tuntutan dibuat, semua manfaat akan dibayar kepada ibu bapa yang masih hidup atau penuntut yang wajar, iaitu penjaga yang sah, tertakluk kepada bukti undang-undang/dokumen sokongan yang berkenaan.

### 29. Bagaimakah untuk membuat penamaan?

Ahli KWSP boleh membuat penamaan dengan melengkapai borang penamaan bersama butiran saksi dan menghantar borang penamaan melalui saluran berikut atau sebarang saluran lain yang mungkin disediakan oleh PruBSN dari semasa ke semasa:

- lawat mana-mana Cawangan Prudential atau PruBSN; atau
- emel ke [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my).

Borang penamaan akan disediakan di:

- Cawangan Prudential atau PruBSN; atau
- laman web korporat PruBSN <https://www.prubsn.com.my/>; atau
- di dalam emel yang akan diterima setelah berjaya menyertai pelan ini.

### Tuntutan

#### 30. Bagaimakah Ahli KWSP/Ahli yang Dilindungi penuntut/penama mengemukakan tuntutan?

Sila rujuk kepada <https://www.prubsn.com.my/ms/how-to-claim/> untuk proses tuntutan.

Tuntutan akan dibayar kepada:

<b>Manfaat</b>	<b>Kejadian berlaku kepada:</b>	<b>Tuntutan dibayar kepada:</b>
Kematian	Pemegang Sijil	Penama bagi Pemegang Sijil. Jika penamaan tidak dibuat, manfaat hendaklah dibayar kepada waris Pemegang Sijil.
	Ahli yang Dilindungi (pasangan atau anak)	Pemegang Sijil. Jika Pemegang Sijil meninggal dunia sebelum pemindahan hak milik berlaku atau semasa proses tuntutan, manfaat dituntut hendaklah dibayar kepada penama Pemegang Sijil. Jika penamaan tidak dilakukan, manfaat hendaklah dibayar kepada waris Pemegang Sijil.
TPD	Pemegang Sijil	Pemegang Sijil.
	Ahli yang Dilindungi (pasangan atau anak)	Jika Pemegang Sijil meninggal dunia sebelum pemindahan hak milik berlaku atau semasa proses tuntutan atau semasa tempoh menunggu, manfaat dituntut hendaklah dibayar kepada waris/penuntut Pemegang Sijil.

#### 31. Apakah dokumen yang diperlukan untuk tuntutan?

Sila lawati laman web korporat PruBSN di <https://www.prubsn.com.my/ms/how-to-claim/> untuk maklumat lanjut berkenaan dokumen diperlukan untuk tuntutan.

#### 32. Berapakah tempoh tuntutan untuk diproses?

Setelah menerima dokumen yang lengkap, pembayaran tuntutan akan diproses dalam masa 13 hari bekerja.

### Penamatan

#### 33. Dalam keadaan apakah sijil PruBSN Lindung Famili akan ditamatkan?

Sijil PruBSN Lindung Famili akan ditamatkan pada/apabila (yang mana berlaku dahulu):

- tarikh tamat tempoh sijil takaful Ahli yang Dilindungi; atau
- Ahli yang Dilindungi meninggal dunia; atau
- selepas pembayaran penuh Jumlah Dilindungi Manfaat TPD; atau
- perlindungan takaful bagi Ahli yang Dilindungi dibatalkan atau ditamatkan; atau
- selepas menerima arahan bertulis daripada Ahli KWSP untuk menamatkan/menyerahkan sijil Ahli yang Dilindungi; atau
- sumbangan yang tidak terbayar selepas Tempoh Tangguh selama 30 hari.

### Pembaharuan

#### 34. Adakah PruBSN Lindung Famili suatu pelan pembaharuan terjamin?

Ya, selagi sumbangan pembaharuan dibayar oleh Ahli KWSP, sijil PruBSN Lindung Famili akan secara automatik diperbaharui setiap tahun pada setiap ulang tahun sijil.

**35. Bagaimanakah Ahli KWSP membayar sumbangan pembaharuan tahunan?**

Bayaran sumbangan akan ditolak secara automatik dari Akaun Ahli KWSP pada setiap tarikh sumbangan patut dibayar selagi Ahli KWSP mempunyai baki yang mencukupi di dalam Akaun KWSP.

**36. Apakah yang perlu dilakukan oleh Ahli KWSP sekiranya mempunyai baki Akaun KWSP yang tidak mencukupi?**

Jika baki Akaun Ahli KWSP tidak mencukupi untuk ditolak, PruBSN akan memberitahu Ahli KWSP untuk tindakan yang selanjutnya.

Ahli KWSP dinasihatkan untuk memantau baki Akaun KWSP dan/atau mengatur pembayaran sumbangan melalui kaedah lain yang sesuai untuk memastikan pembaharuan pelan dan penerusan perlindungan.

**37. Apakah yang Ahli KWSP perlu lakukan jika Ahli KWSP/Ahli yang Dilindungi tidak berhasrat untuk memperbaharui sijil?**

Notis pembaharuan akan dihantar kepada Ahli KWSP melalui notifikasi SMS 30 hari sebelum setiap tarikh ulang tahun sijil. Jika Ahli KWSP/Ahli yang Dilindungi berhasrat untuk tidak memperbaharui sijil, Ahli KWSP perlu menyerahkan sijil Ahli yang Dilindungi.

**Pemindahan Hak Milik****38. Apa yang akan terjadi kepada sijil tanggungan apabila Ahli KWSP meninggal dunia?**

Sijil tanggungan akan kekal berkuat kuasa sehingga ulang tahun sijil seterusnya dan akan diperbaharui secara tahunan sehingga umur Ahli yang Dilindungi mencapai 75 tahun (hari lahir akan datang) bergantung kepada sumbangan dibayar dalam masa 30 hari tempoh tangguh daripada tarikh sumbangan patut dibayar.

**39. Siapakah yang akan menjadi Pemegang Sijil baharu selepas Ahli KWSP meninggal dunia?**

Jika Ahli yang Dilindungi berumur 19 tahun dan ke atas dan Ahli KWSP meninggal dunia, Ahli yang Dilindungi akan dilantik untuk menjadi Pemegang Sijil yang baharu dengan memaklumkan kepada PruBSN secara bertulis. Jika Ahli yang Dilindungi berumur bawah 19 tahun, dan Ahli KWSP meninggal dunia, wakil sah harta pusaka Ahli KWSP atau penjaga sah Ahli yang Dilindungi perlu dilantik menjadi Pemegang Sijil baharu.

**Nota:** Anda boleh merujuk Ringkasan Sijil untuk maklumat yang lebih lanjut.